

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU
[TUARAN]

TARIKH : 01 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

- (a) status terkini penaiktarafan *Sepanggar Bay Container Port* yang sudah pun diluluskan oleh Kerajaan lalu berjumlah lebih RM1 bilion; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan untuk merencanakan lagi aktiviti perniagaan menggunakan pelabuhan yang ada di Sabah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pelabuhan Sapanggar merupakan pelabuhan di bawah tanggungjawab dan pengawalseliaan Kerajaan Negeri Sabah. Berdasarkan maklumat yang dilaporkan kepada Kementerian Pengangkutan, projek naik taraf Pelabuhan Kontena Teluk Sapanggar merupakan projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dengan anggaran kos sebanyak RM1.027 bilion. Pelaksanaan projek ini sejajar dengan hasil Kajian Pelan Induk Pelabuhan Kontena Teluk Sapanggar dan Pelan Peniagaan (*Sapangar Bay Port Master Plan and Business Study*) pada tahun 2017. Projek ini adalah sebahagian dari projek-projek seliaan *Sabah Development Corridor* (SDC) di bawah pengurusan *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDIA).
2. Pada masa ini, pihak SEDIA dalam peringkat untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan daripada Kementerian Kewangan bagi kerja-kerja *detailed engineering design* (DED). Selepas mendapat kelulusan Kementerian Kewangan, pihak SEDIA akan membuat pelantikan syarikat melalui tender terbuka yang mana dijangka akan diiklankan pada penghujung bulan Mac 2019.
3. Manakala, kajian-kajian berkaitan tanah (*soil investigation*), kerja ukur tanah (*topographical survey, hydrological survey* dan *utility mapping*), *traffic impact assessment, marine traffic risk assessment* dan kajian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment - EIA*) telah dimuktamadkan.

NO. SOALAN: 31

4. Pertumbuhan sesuatu pelabuhan adalah amat bergantung kepada pertumbuhan ekonomi dan sektor industri yang dapat menjana kargo-kargo untuk tujuan import dan eksport. Kementerian Pengangkutan dimaklumkan bahawa, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan bersama agensi-agensi Kerajaan Negeri sedang merangka pelbagai program ekonomi untuk Kerajaan Negeri Sabah dalam usaha membangunkan kawasan-kawasan industri.
5. Pada masa yang sama, Pelabuhan Sapanggar perlu menggunakan pertumbuhan ekonomi serantau khususnya di bawah blok kerjasama di bawah BIMP-EAGA dalam usaha mempromosikan Pelabuhan Sapanggar sebagai hab pelabuhan di rantau BIMP-EAGA.
6. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah meliberalisasikan dasar kabotaj di Malaysia Timur bagi membolehkan kapal-kapal perdagangan antarabangsa berpendaftaran asing dapat membuat persinggahan terus di pelabuhan-pelabuhan di Malaysia Timur. Usaha ini dijangka memberi impak positif dalam meningkatkan aktiviti-aktiviti perdagangan di Pelabuhan Sabah.

Sekian, terima kasih.